



**BAB KEDUA**

**Landasan**

**Teori.**

## BAB KEDUA

### 2.1 PENDAHULUAN.

Perkembangan sejarah dunia telah memperlihatkan dengan jelas bahawa dari semasa ke semasa golongan remaja di dalam sesebuah masyarakat telah muncul sebagai salah satu tenaga kolektif yang penting, yang terlibat secara langsung di dalam berbagai-bagai kegiatan kemasyarakatan dan kemanusiaan. Dengan kekuatan tenaga dan daya produktiviti yang ada pada mereka, golongan remaja telah turut serta di dalam usaha-usaha mengubah dan memajukan masyarakat dan negara.

### 2.2 DEFINISI REMAJA.

Masa remaja merupakan satu tempoh peralihan daripada peringkat akhir kanak-kanak menuju kepermulaan peringkat dewasa. Masa ini merupakan masa peralihan yang sangat penting. Jangka-masanya juga agak panjang, menandakan segala rasa 'kelam-kabut', konflik, cemas, was-was dan berbagai-bagai resam lagi di dalam hidup yang penuh dengan pergolakan ini.<sup>1</sup>

Remaja boleh ditakrifkan dengan berbagai takrifan, tidak terdapat satu bentuk yang paling mutlak. Misalnya; ia boleh

ditakrifkan sebagai satu jangka masa perkembangan fizikal, jangka umur kronologis atau pun sebagai satu gejala sosiologikal. Di dalam bahasa Inggeris remaja disebut sebagai 'Adolescence' yang bererti, tumbuh jadi matang. Dengan maksud ini remaja boleh ditakrifkan sebagai satu proses jangkamasa, proses pencapaian sikap dan kepercayaan yang diperlukan untuk memperoleh penyertaan yang berkenaan di dalam masyarakat.<sup>2</sup>

Powel mendefinisikan remaja sebagai satu jangkamasa di mana peringkat kematangan telah tercapai, jangkamasa perubahan di antara kanak-kanak dan dewasa, jangkamasa di mana individu yang tidak matang dari segi emosi menjangkau saman kemuncak perkembangan fizikal dan mental.<sup>3</sup>

Menurut Donald Bivin pula, remaja merupakan satu jangkamasa penerokaan, iaitu satu jangkamasa di mana lelaki dan perempuan meneroka masyarakat di mana mereka tinggal, budaya yang patut mereka amalkan, peranan yang mungkin mereka mainkan dan peluang-peluang untuk memainkan peranan yang sesuai dengan personaliti, minat dan bakat mereka.<sup>4</sup>

Pada saman sekarang, tempoh remaja bagi seseorang adalah berlangsung kira-kira 10 tahun lamanya sehinggalah seseorang itu meningkat ke usia 21 tahun.<sup>5</sup> Peringkat atau saman remaja

dalam dunia purbakala dan di dalam masyarakat yang mundur adalah lebih pendik berbanding dengan zaman remaja di dalam dunia moden seperti hari ini. Ini kerana anak-anak muda di dalam masyarakat yang mundur dapat membina rumahtangga, memasuki dunia orang dewasa dan berjuang di dalam kehidupan, lebih awal dan cepat. Sedangkan di dalam masyarakat moden, anak-anak muda terpaksa menentang masa persekolahan mereka untuk memperluangkan persediaan hidup di dalam masyarakat moden yang serba memerlukan kepada kelebihan dan kepandaian yang khusus.<sup>6</sup>

Jikalau kita melihat kepada sejarah seabad yang silam, cuma anak-anak 'orang berada' sahaja yang dapat menikmati alam remaja selama 10 tahun. Kebanyakan remaja yang lain menghabiskan alam persekolahan pada usia 12 atau 13 tahun, bekerja, berkahwin pada tahap usia selepas 16 tahun dan sudah cukup mampu untuk berdikari selepas usia 18 tahun. Berbanding dengan zaman sekarang segalanya sudah jauh berubah. Pendidikan sudah dilanjutkan tempohnya; dan ketika usia 17 tahun remaja akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pada akhir alam remajanya mereka masih lagi menghadapi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.<sup>7</sup>

Untuk pembahagian yang lebih teliti, ahli psikologi telah membahagikan zaman remaja itu kepada 3 bahagian yang penting.

1. Peringkat sebelum remaja (Pra-remaja).

Di antara 10 tahun hingga 12 tahun.

2. Peringkat awal remaja.

Di antara 13 tahun hingga 16 tahun.

3. Peringkat akhir remaja.

Di antara 17 tahun hingga 21 tahun.<sup>8</sup>

Bagaimana pun Islam mempunyai pandangan yang berbeza di dalam menentukan keremajaan seseorang. Masa remaja lazimnya bermula apabila seseorang itu telah mencapai tahap baligh (cukup umur). Tidak ada ditetapkan had-had umur yang tertentu seperti yang telah dibuat oleh para psikologi Barat.<sup>9</sup>

Detik bermulanya keremajaan seseorang adalah berbeza-beza. Biasanya anak-anak gadis lebih cepat menuju alam remaja berbanding dengan anak lelaki, iaitu sejurus apabila mereka mengalami pengalaman pertama kedatangan 'haidh' di dalam lingkungan umur 13 tahun.<sup>10</sup>

Di samping itu pula, sifat-sifat remaja akan ketara seperti tumbuh bula di ketiak dan di bahagian-bahagian yang tertentu, dadanya semakin memuncak dan ponggongnya kian melebar.

Bagi anak lelaki pula suaranya semakin kasar dan garau serta tumbuh misai dan janggut. Setengah-setengahnya pula mulai ditumbuhi jerawat.<sup>11</sup>

Islam memilih tahap ini sebagai tahap permulaan untuk mereka menjalankan segala tanggungjawab sebagai individu muslim yang mukallaf. Permulaan ini tentunya akan dapat memastikan penglibatan mereka secara total di dalam menunaikan kewajipan-kewajipan yang lain apabila mereka dewasa kelak.

Di dalam sebuah hadis riwayat Al Hakim dan Abu Daud daripada Ibnu Amru bin Al Asr r.a., Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda:

مرُوا اولادكم بالصلاة وهم ابناء سبع  
واضربوا هم عليها وهم ابناء عشر  
وفرقتوا بينهم في المضاجع.

Artinya:

'latihlah anak-naka kamu dengan sembahyang ketika mereka berumur 7 tahun dan pukuliah mereka ketika 10 tahun apabila mereka meninggalkannya dan pisahkan di antara mereka tempat tidurnya'.<sup>12</sup>

Tujuan hadis di atas diqiaskan dengan sembahyang ialah untuk membiasakan mereka dengan ibadat-ibadat yang lain. Disuruh berpuasa jika anak itu berkuasa dan memunaikan haji jika si ayah mampu. Hikmahnya ialah supaya si anak itu mengenal hukum-hukum

peribadatan sejak dari kecil lagi dan membiasakan diri untuk menunaikannya apabila ia dewasa, dengan penuh rasa ketaqwaan kepada Allah. Begitu juga, supaya dia dapat merasakan, di dalam mengerjakan segala ibadat itu akan dapat mendidik jiwanya supaya patuh dan taat terhadap segala perintah.<sup>13</sup>

### 2.3 PERINGKAT PERUBAHAN REMAJA.

Setiap detik perubahan yang berlaku pada peringkat remaja tidak dapat disaksikan dalam satu jangkamasa yang singkat, bahkan ianya akan berlangsung selama beberapa tahun. Sekiranya dilihat secara keseluruhan, beberapa tahap perkembangan remaja dalam jangkamasa yang agak panjang akan menjadi lebih nyata dan sempurna. Contohnya, remaja yang berada di peringkat sekolah rendah akan berbeza dengan remaja yang sudah berada di peringkat sekolah menengah baik dari segi pergaulan, fizikal, mentaliti atau pun persepsi mereka. Perbezaan ini merupakan sesuatu yang penting justeru itu ia hendaklah dilihat sebagai satu kesinambungan di mana setiap peringkat di anggap sebagai satu persiapan untuk maju ke peringkat yang selanjutnya.<sup>14</sup>

Oleh kerana keremajaan adalah satu bentuk fenomena sosial, kajian tentang remaja haruslah meliputi berbagai-bagai aspek; pertumbuhan fizikal, perkembangan mental, perkembangan

emosi, personaliti, krisis identiti, perkembangan nilai-nilai moral dan masalah-masalah yang bersangkutan dengan mereka.<sup>15</sup>

### 2.3.1 PERUBAHAN FISIKAL.

Konsep remaja sebagai satu tahap perkembangan fizikal memerlukan pemahaman. Ia bermaksud jangkamasa lebih kurang dua tahun berikutan masa matang dan perubahan fizikal yang berlaku dalam jangkamasa itu. Misalnya, perubahan bentuk tubuh badan dan matangnya ciri-ciri kejantinaan yang utama. Tahap keremajaan ini tercapai semasa ia dianggap telah mencapai baligh.<sup>16</sup>

'kelenjar jantina di zaman remaja akan menjalankan tugasnya dengan penuh giat. Hasil dari kegiatan kelenjar-kelenjar ini telah menimbulkan perubahan-perubahan kasar di dalam hidup anak-anak remaja. Kelenjar-kelenjar ini mengeluarkan beberapa zat kimia atau hormon yang dilepaskan secara langsung ke dalam aliran darah yang mengalir di seluruh badan. Hormon inilah yang mempengaruhi perubahan jasmani dan jiwa anak-anak muda remaja sehingga bukan sahaja rupa paras mereka yang berubah tetapi peribadi mereka juga turut berubah'.<sup>17</sup>

Perubahan umum pada fizikal anak-anak remaja yang menuju ke alam dewasa ialah seperti tumbuhnya bulu-bulu di bawah ketiak dan di bawah ari-ari mereka. Tubuhnya bertambah subur, dadanya meninggi dan keluar darah haidh. Sementara anak lelaki pula mengalami pertumbuhan hulkam, perubahan suara, badannya semakin



meninggi, lengan dan kakinya kelihatan menonjolkan otot-otot yang berketul dan sifat-sifat kelelakianya mula ketara.<sup>18</sup>

Perubahan pada jasmari anak-anak remaja ini tidak seimbang dan setiap perubahan yang berlaku menimbulkan tanda tanya pada diri mereka. Semua perubahan ini begitu menguasai fikiran mereka sehingga mengakibatkan kegoncangan dalam perkembangan peribadi mereka.

Yusoff Zaky menulis bahawa perubahan dan kesuburan yang cepat ini telah menyebabkan anak-anak di peringkat ini terdedah kepada beberapa penyakit, jikalau mereka tidak menjaga kesihatan dengan lebih sempurna. Ramai anak-anak remaja mengalami penyakit kurang darah, bengkak tulang belakang, berdarah hidung, sakit kepala, sakit dada, tidak betul debaran hati, hilang nafsu makan, sembelit, berbagai-bagai penyakit urat saraf dan lemah daya penglihatan.<sup>19</sup>

### 2.3.2 PERUBAHAN MENTAL.

'bila sudah tiba musim remaja, bukar saja jasmani mereka yang berubah, tetapi cara mereka berfikir juga turut berubah. Kekuatan berfikir, cara menilai dan menghukum, cara memberi sebab musabab, kecekapan mengingat dan menghafal, kebolehan menumpu perhatian dan cara mengerti dan menahami, semuanya telah mulai mengembang subur di dalam jiwa anak-anak remaja.

Setengah kesuburan ini timbul sebagai hasil tabi'e dari perjalanan kesuburan manusia dan setengahnya pula sebagai hasil kesuburan kebiasaan-kebiasaan berfikir yang sudah terlatih atau terbiasa sejak mereka masih kecil'.<sup>20</sup>

Menurut penelitian ahli psikologi, remaja pada tahap ini telah menunjukkan beberapa kecenderungan, yaitu mereka suka menjelajah, sudah mulai tertarik kepada angkasa raya, ingin mengetahui rahsia matahari, bulan dan bintang dan pertukaran malam dan siang. Mereka juga menunjukkan minat di dalam soal-soal keagamaan dan ingin menoreh rahsia alam ghaib. Mereka telah mulai suka berbahas, meluahkan pendapat, bertukar fikiran dan mengkritik pandangan orang lain. Di samping itu mereka juga banyak berangan-angan dan suka berkhayal. Pada diri mereka telah tertonjol kebolehan-kebolehan atau bakat-bakat yang istimewa yang dikurniakan oleh Allah.<sup>21</sup>

Rasa ingin tahu yang begitu melonjak-lonjak pada peringkat remaja ini telah mendorong mereka mencondok segala pengetahuan melalui buku, majalah, radio atau telivisyen juga daripada percakapan dan perbualan dengan rakan-rakan sebaya atau pun dengan orang yang lebih tua. Mereka kan berusaha untuk memperolehi kegemaran-kegemaran mereka dan akan mengemskinikan dengan segala pengetahuan yang ada supaya tidak merasa ketinggalan daripada kawan-kawannya yang lain. Di samping itu perasaan untuk

menunaikan amal ibadah juga tidak kurang mendalamnya.<sup>22</sup>

Pada peringkat ini mereka juga begitu ghairah memilih fesyen yang 'up-to-date' dan meniru apa sahaja yang dianggap moden. Mereka sekali-kali tidak mahu dianggap kolot kerana itu dirasakan amat memalukan. Mereka mengambil contoh pakaian dan gaya artis yang amat mereka minati. Mereka tidak begitu peduli akan akibatnya asalkan segala kehendak mereka dapat dicapai. Begitulah gaya dan cara para remaja yang normal.<sup>23</sup>

### 2.3.3 PERUBAHAN EMOSI.

'Emosi ialah keadaan mental yang menunjukkan reaksi seseorang terhadap sesuatu benda atau keadaan. Reaksi itu muncul secara tiba-tiba dan membayangkan perasaan seseorang terhadap sesuatu pada ketika itu. Benda atau keadaan yang dihadapi atau dialami oleh seseorang itu merupakan rangsangan yang menjadi tanggapan orang berkenaan. Hasil daripada tanggapan orang berkenaan akan menimbulkan keadaan gerak balas pada dirinya. Keadaan gerak balas ini menghasilkan perubahan dalam badan, pengalaman emosi dan pernyataan emosi'.<sup>24</sup>

Remaja mengalami perubahan emosi serta perubahan tingkah laku hanya secara umum. Banyak atau sedikit perubahan ini bergantung kepada individu, sikap atau perasaan masing-masing, pemerhatian serta kata-kata yang dilahirkan oleh mereka yang berada di keliling terhadap perubahan tubuh badan mereka. Perubahan tubuh badan pada

peringkat remaja berlaku terlalu cepat iaitu dalam masa dua atau tiga tahun. Tempoh masa yang amat singkat ini tidak cukup untuk menyempurnakan kematangan pemikiran mereka berbanding dengan kepantasan kesuburan tubuhnya.<sup>25</sup>

Di antara ciri-ciri emosi remaja yang penting ialah:

1. Pada permulaan umur remaja, perasaan mereka begitu meluap-luap dan pamerah. Mereka selalu marah-marah dan pemberontak hanya disebabkan oleh perkara-perkara yang remeh-temeh, sukar bertolak ansur, bertindak cepat dan kasar.

2. Perasaan mereka tidak tetap dan selalu berubah-ubah pada satu jangkitan yang singkat. Sekejap mereka gembira dan sekejap pula mereka berduka.

3. Kerap kali mereka mengalami kekecewaan, putus asa dan duka cita kerana banyak kehendak-kehendak mereka yang terhalang dan tersekat. Ini kerana ia berlawanan dengan undang-undang masyarakat atau pun di luar dari kemampuan mereka.<sup>26</sup>

Kesuburan dan perubahan fizikal yang dialami oleh golongan remaja selalu menerbitkan gangguan emosi kepada mereka. Contohnya bentuk badan yang terlalu rendah atau pun terlalu tinggi, kurus, geruk dan sebagainya, semuanya menjadi perhitungan penting kepada mereka sehingga menimbulkan perasaan-perasaan yang tidak menentu.

Mereka akan senantiasa cuba untuk menjauhkan diri daripada kelompok ramai. Sehingga ada yang tidak mahu keluar rumah kerana malu kepada bentuk fizikal mereka yang kurang menarik. Manakala anak-anak remaja yang sakit dan tidak normal lebih banyak mengalami tekanan perasaan berbanding dengan mereka yang sihat; kerana mereka tidak dapat untuk turut serta bersuka ria di dalam kegiatan sosial seperti rakan-rakan mereka yang lain.<sup>27</sup>

#### 2.4 PERSONALITI REMAJA.

Masa remaja harus dilihat sebagai satu fenomena atau gejala sosial yang terdapat di dalam mana-mana masyarakat, timur atau barat, menurut nilai-nilai sesuatu masyarakat serta tanggungjawab kesemua pihak yang berkenaan; baik individu, keluarga atau pun masyarakat.<sup>28</sup>

Golongan remaja adalah golongan yang banyak berfikir. Namun begitu pemikiran mereka yang formal tidak semestinya seperti pemikiran orang dewasa. Kecenderungan mereka untuk meletakkan pertimbangan, yang mana logik dan yang mana realistik, sering menimbulkan pertentangan di dalam menentukan sesuatu yang unggul (crisis of ideals). Pertentangan ini akan menjadi lebih runcing dalam suasana hidup mereka apabila sahabat dan keluarga mempunyai nilai dan pandangan yang berbeza. Suasana persekitaran juga dapat mencetuskan pertentangan ini. Keadaan yang sesuai dan selesa

akan memberi peluang kepada mereka untuk menjauhkan dirinya daripada segala masalah yang mengganggu fikiran mereka.<sup>29</sup>

Ieu mengasingkan diri (privacy) amat penting pada peringkat ini. Perubahan tubuh badan, masa hadapan yang tidak menentu serta masalah nilai keluarga mendesak mereka untuk bertindak sedemikian. Di samping itu di dalam rumahtangga mereka mempunyai bidang kuasa yang terlalu terhad. Pengawasan ibu bapa yang lebih ketat dan terlalu berhati-hati akan tambah menimbulkan masalah kepada mereka. Melalui pengasingan diri mereka akan mendapat ketenangan dan kebebasan emosi.<sup>30</sup>

Dari segi perubahan intelektual, beberapa kajian dalam perkembangan intelektual membayangkan bahawa keupayaan intelektual seseorang akan sampai ke kemuncaknya pada masa mereka remaja dan akan menurun secara beransur-ansur apabila usianya semakin meningkat dewasa. Oleh sebab itu remaja mempunyai pemikiran yang matang dan penting di dalam usaha-usaha kreatif. Daya fizikalnya yang kuat dan cergas akan diseimbangkan dengan daya penikirannya. Malangnya segala itu terbatas disebabkan oleh terhadnya pengalaman seseorang remaja. Kata orang 'darahnya masih panas dan tindakannya melulu'.<sup>31</sup>

Sungguh pun anak remaja ini mahu bebas dan menjadi seorang yang berdikari, namun kehendaknya untuk bebas itu akan menimbulkan konflik kepada ibu bapanya pula. Walaupun mereka mahu bebas dari segi fikiran dan perasaan tetapi mereka masih terikat dari segi ekonomi kepada ibu bapanya seperti wang ringgit, tempat tinggal, makan minum dan sebagainya.

Setiap orang dewasa yang ada hubungan dengan anak remaja mempunyai kedudukan yang penting dalam mempengaruhi pemikiran dan segala nilai mereka pada masa akan datang. Mereka patut memberi petunjuk serta bimbingan agar anak remaja ini mencapai kematangan, kestabilan dan menjadi dewasa dengan lebih sempurna.

## 2.5 KEBELIRUAN IDENTITI / KRISIS IDENTITI.

Seorang ahli psikologi remaja, E. Erikson, melihat pengalaman hidup adalah sebagai satu tempoh di mana remaja dijangka menyediakan diri mereka untuk masa hadapan dan menyediakan jawapan kepada persoalan 'siapakah saya?'. Justeru itu dalam zaman peralihan ini seseorang individu akan mengalami krisis identiti, tentang peranan yang harus dimainkan supaya dapat membentuk identitinya sebagai perediaan bagi menghadapi cabaran dunia dewasanya. 32

**Jaafar Abd. Rahin berpendapat:**

'Alan remaja merupakan alan yang mengalami pertumbuhan pemikiran. Dalam proses pertumbuhan pemikiran ini mereka mencari identiti, dalam erti kata menonjolkan identiti kepada orang lain. Penonjolan identiti ini bertujuan untuk mendapatkan kepuasan diri. Kerana hendak menonjolkan dirilah remaja memakai pakaian yang mahal, memakai 'make-up' yang mahal, supaya orang lain tahu kehadiran mereka di tengah-tengah masyarakat'.<sup>33</sup>

### 2.5.1 PEMBENTUKAN IDENTITI.

x

Corak pembentukan identiti mungkin berbeza untuk seorang remaja atau sekumpulan remaja mengikut pengaruh yang mula-mula mereka terima, bermula dari perhubungan ibu bapa dan anak-anak kepada tekanan budaya atau sub-budaya serta kadar perubahan sosial.

Bagi remaja yang terpaksa melalui satu tempoh kekeliruan yang panjang, mereka tidak dapat mencari diri mereka dan terapung-apung tanpa pegangan yang tertentu. Masalah ini biasanya boleh diatasi dengan cara 'trial and error' (percubaan dan kesilapan). Kaedah ini akan menghasilkan satu identiti yang sesuai dengan kehendak seseorang itu.<sup>34</sup>

Remaja akan cuba bergelut dan menstabilkan diri semula dengan persekitarannya. Misalnya, mereka akan memerhatikan sekeliling mereka. Jika contoh penyelesaian daripada orang dewasa tidak



memuaskan dan tidak ada kemungkinan untuknya mencari penyelesaian, mereka akan berangan-angan atau pun menulis di dalam diari untuk menyalurkan perasaan mereka yang sebenar.<sup>35</sup> Melalui rakan-rakan sekumpulan pula seseorang remaja akan merasa lega kerana mendapati dirinya tidak keserangan di dalam menghadapi masalah.

Beberapa kajian menunjukkan, individu yang mencapai identiti selepas satu tempoh pencarian yang aktif berkemungkinan besar menjadi lebih berdikari, tabu mengurus diri, mempunyai pendirian sendiri, pemikirannya lebih kompleks, lebih berupaya menghadapi tekanan dan lebih kreatif. Sebaliknya remaja yang tidak berupaya akan mempunyai harga diri yang rendah, kurang keupayaan untuk menganalisis dan menilai sesuatu perkara dan kurang bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri. Mereka juga mudah terpengaruh, pemikirannya kurang tersusun, kemungkinan untuk terjerumus dalam penyalahgunaan dadah adalah besar. Mereka juga suka mengasingkan diri dan kurang berupaya dalam perhubungan sosial.<sup>36</sup>

### 2.5.2 PERASAAN REMAJA YANG MENGALAMI KRISIS IDENTITI.

Remaja yang berada di alam ini sangat idealistik dan kritikal. Mereka juga sering mengharapkan seseorang untuk dijadikan sebagai model di dalam hidup mereka. Biasanya sukar pula untuk mereka mengenal pasti orang yang benar-benar dapat dijadikan sebagai teladan. Misalnya, ibu bapa yang tidak tetap cara pengajarannya dan cenderung pula untuk melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan apa yang telah mereka ajarkan kepada anak-anak mereka, kerap kali akan mengelirukan remaja itu sendiri.

Jadi tidak hairanlah jika ada remaja yang cuba untuk mencari modelnya sendiri. Sesuai dengan sifat mereka yang suka meniru dan gemar menonjolkan diri, kemungkinan besar mereka akan menjadikan bintang-bintang 'rock' dan bintang-bintang filem sebagai sasaran. Mereka mungkin akan meniru dari segi pakaian, fesyen rambut, kelakuan, gerak geri serta nilai-nilai budaya barat yang tidak sesuai dipraktikkan di negara ini. Malah nilai inilah yang kemudiannya akan merosakkan mereka.<sup>37</sup>

Justeru itu seseorang individu yang mengalami krisis identiti atau keliru tentang peranan yang harus dimainkan, haruslah membentuk identitinya secara beransur-ansur berdasarkan

kepada konsep yang dihasilkan daripada interaksi alam sekitar terutama orang yang dianggap penting bagi dirinya.<sup>38</sup>

Oleh itu pembentukan identiti ini melibatkan atau mempunyai hubungan dengan perkembangan fizikal dan psikologi seseorang itu. Kesanggupan memahami sesuatu yang abstrak memungkinkan seseorang remaja itu membina hipotesis yang berkaitan dengan dirinya. Kebolehan mereka membina hipotesis ini pula memungkinkannya untuk membentuk identiti dirinya sendiri. Manifestasi dari ini dapat dilihat dengan kecenderungan remaja untuk bertenang dan berfantasi dengan menjadikan dirinya sebagai watak penting di dalam peranan yang diangan-angankannya.<sup>39</sup>

## 2.6 KESIMPULAN.

'Golongan remaja lebih mudah terpengaruh kerana ada sifat-sifat semula jadi mereka yang suka meniru dan ingin mencuba apa yang baru'.<sup>40</sup>

Untuk memenuhi keperluan tersebut, golongan remaja perlu dibantu dan diberi perhatian yang khusus kerana masa remaja adalah zaman 'pergolakan'. Pertumbuhan jasmani yang berlaku melibatkan perkembangan perasaan dan fikiran. Ini menyebabkan mereka menghadapi banyak masalah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah dan membentuk identiti diri.

Mereka sekarang memperlihatkan sifat angkuh, resah gelisah, selalu marah, inginkan kebebasan dan selalu memberontak.

Dengan adanya perhatian, dorongan dan simpati daripada orang dewasa khususnya ibu bapa, mereka akan mudah menempuh pancaroba hidup, lebih yakin serta mempunyai kefahaman diri mengenai alam mereka. Mereka inginkan kehidupan keluarga yang bahagia, masyarakat yang adil dan makmur serta negara yang aman damai. Jika keinginan ini tidak tercapai atau tidak mendapat perhatian, dorongan dan simpati daripada ibu bapa mereka, maka mereka akan mudah merasa putus asa, keciwa dan bertindak kasar atau pun liar.

Jadi, jelas untuk menempuh alam yang kritikal ini golongan remaja tidak boleh dibiarkan sendirian. Mereka memerlukan perhatian, sokongan, dorongan, nasihat dan simpati daripada orang yang lebih dewasa terutamanya ibu bapa supaya mereka dapat mengharungi zaman yang bergolak ini sehingga mencapai tahap kedewasaan dengan lebih sempurna dan teratur.

## NOTA KAKI.

1. Wan Anni Rauli, Membina Keluarga Bahagia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1987, m.s. 96.
2. Ibid.
3. M. Powell, The Psychology Of Adolescence. New York : The Bobbs Meril Company Inc. A Subsidiary Of Howard W. Sams And Co., 1963, m.s. 13.
4. Donald Edwin Super, The Psychology Of Careers. Harper And Row Publishers, 1957, m.s. 81.
5. Illias Hj. Zaidi, "Wahai Remaja Mari Berdikari", Devan Masyarakat, Disember 1983, m.s. 8.
6. Yusoff Zaky Yacob, Psikologi Remaja. Kelantan : Syarikat Dian Sdn. Bhd., 1975, m.s. 3.
7. Illias Hj. Zaidi, op. cit. m.s. 9.
8. Yusoff Zaky Yacob, op. cit. m.s. 4.
9. Aishah Hassan, Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak, (Bahagian 1), Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 198, m.s. 192 - 193.

10. Wan Amni Rani, op. cit. m.s. 59.
11. Ibid, m.s. 59 - 60.
12. Abu Daud, Sunan Abu Daud : Kitab As-Shalat. Beirut : Dar Al Kutub Al Ilmiah, 1979, m.s. 352.
13. Abdullah Nasih Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam. (Terjemahan Syed Ahmad Semait), Jilid 1, Singapura : Pustaka Nasional, 1989, m.s. 179.
14. Anna Alisjahbana, M. Sidharta, N.A.W. Brouwer, Menuju Kesejahteraan Jiva. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1981, m.s. 49 - 50.
15. Amir Awang, "Remaja Dan Dunia Pekerjaan", Dewan Masyarakat. 15hb. Disember 1983. m.s. 4.
16. Wan Amni Rani, op. cit. m.s. 170
17. Yusoff Zaky Yacob, op. cit. m.s. 9.
18. Aishah Hassan, op. cit. m.s. 194.
19. Yusoff Zaky Yacob, op. cit. m.s. 13.
20. Ibid, m.s. 17.

- 21. **Alshah Hassan, op. cit. m.s. 194.**
- 22. **Wan Anni Ranli, op. cit. m.s. 63 - 64.**
- 23. **Ibid.**
- 24. **Rosumah Baharuddin, Perkembangan Kanak-kanak. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984, m.s. 40 - 41.**
- 25. **Wan Anni Ranli, op. cit. m.s. 62.**
- 26. **Yusoff Zaky Yacob, op. cit. m.s. 37 - 38.**
- 27. **Rosumah Baharuddin, op. cit. m.s. 41.**
- 28. **Wan Anni Ranli, op. cit. m.s. 96.**
- 29. **Ibid, m.s. 58.**
- 30. **Ibid, ms. 59.**
- 31. **Ibid, m.s. 97.**
- 32. **"Melangkah Ke Alam Remaja : Kekeliruan Identiti", Majalah Remaja. Kuala Lumpur : Karangkraf Sdn. Bhd., Sept. 1989, m.s. 10.**

33. Jaafar Abd. Rahin, "Remaja Memulakan Pertumbuhan Penikiran", Dewan Budaya. Mei 1987, m.s. 12.
34. Majalah Remaja, op. cit. m.s. 10.
35. Ibid.
36. Ibid.
37. Ibid.
38. Aten Bin Long, "Identiti Dan Krisis Identiti Peringkat Remaja", Persidangan Nasional Mengenai Kaum Remaja Di Malaysia. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Utusan Pub. And Dis., 1983, m.s. 1.
39. Ibid, m.s. 39.
40. Chot Cha Chan, "Golongan Remaja Perlu Waspada", Dewan Masyarakat. Jun 1986, m.s. 38.